

BAHAGIAN A
GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN
KECEMASAN DALAM KAMPUS
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG.

1. PENGENALAN

Garis Panduan Perkhidmatan Kecemasan adalah bertujuan untuk menambahbaik perkhidmatan kecemasan dalam Kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Perlaksanaan ini adalah mengambil kira keupayaan PKU dari segi kemudahan prasarana, peralatan, bilangan ambulans serta bilangan anggota kesihatan yang ada.

Pasukan PKU perlu menggunakan garis panduan ini sebagai rujukan dalam memberi perkhidmatan kecemasan yang berkesan dan berkualiti kepada komuniti UMP.

2. RUJUKAN

Garis panduan ini merujuk kepada “Garis Panduan Perkhidmatan Kecemasan dan Ambulans di Fasiliti Kesihatan Primer”, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2015.

3. OBJEKTIF

- 3.1** Memastikan pelaksanaan perkhidmatan kecemasan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.
- 3.2** Memastikan perkhidmatan kecemasan asas diberi mengikut keutamaan berdasarkan penilaian professional.
- 3.3** Memastikan perkhidmatan kecemasan awal (*primary responder*) diberi dengan segera, cekap dan efisien.
- 3.4** Menerangkan secara terperinci tentang skop perkhidmatan kecemasan dan ambulans yang disediakan oleh Pusat Kesihatan Universiti kepada seluruh warga Universiti.

4. DEFINISI

4.1 **BKES** adalah merujuk kepada Bahagian Keselamatan UMP

4.2 **Chaperone** *a person who accompanies and looks after another person or group of people*

4.3 **Felo** adalah staf UMP yang tinggal di kolej kediaman sebagai pemudahcara kepada pelajar.

4.4 **JHEPA** merujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP

4.5 **Kes kecemasan** adalah sesuatu keadaan penyakit serangan akut atau kemalangan yang berlaku secara tiba-tiba yang boleh menyebabkan kematian jika tidak dirawat dengan segera.

“A medical emergency is an acute injury or illness that process an immediate risk to a person’s life or long-term health”

4.6 **Kolej Kediaman** adalah tempat kediaman siswa/i Universiti Malaysia Pahang.

4.7 **Orang awam** merujuk kepada individu selain daripada staf atau pelajar UMP

4.8 **PKU** adalah merujuk kepada Pusat Kesihatan Universiti.

4.9 **PTJ** adalah merujuk kepada pusat tanggungjawab dalam Universiti Malaysia Pahang.

4.10 **Pelajar** adalah merujuk kepada mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Malaysia Pahang.

4.11 **Pengetua** adalah staf UMP yang bertugas dan tinggal di dalam kolej kediaman sebagai ketua bagi setiap kolej kediaman.

4.12 **Pembantu Felo** adalah pelajar pascasiswazah yang menginap di kolej kediaman bagi membantu tugas-tugas kefeloan.

4.13 **Penasihat Program** adalah staf UMP yang dipertanggungjawab untuk melancarkan perjalanan program.

4.14 **Staf** adalah merujuk kepada kakitangan yang berkhidmat di universiti.

4.15 Universiti adalah merujuk kepada Universiti Malaysia Pahang.

4.16 999 merupakan talian kecemasan yang digunapakai di Malaysia.

5. SYARAT DAN GARIS PANDUAN RAWATAN KES-KES KECEMASAN PKU

5.1 Senarai kes-kes kecemasan adalah seperti berikut:

- 5.1.1 Serangan asma
 - 5.1.2 Jantung berhenti
 - 5.1.3 Pendarahan yang teruk
 - 5.1.4 Kecederaan servikal
 - 5.1.5 Kecederaan kepala
 - 5.1.6 Luka terbuka
 - 5.1.7 Luka terbakar/melecur yang teruk (2nd degree burn)
 - 5.1.8 Kepatahan
 - 5.1.9 Demam yang tinggi >38.5'c
 - 5.1.10 Kemalangan jalanraya
 - 5.1.11 Sakit dada yang teruk
 - 5.1.12 Sakit perut yang teruk
 - 5.1.13 Pengsan
 - 5.1.14 Sawan
 - 5.1.15 Sengatan haiwan/serangga berbisa
 - 5.1.16 Renjatan elektrik
- 5.2 PKU hanya merawat kes-kes kecemasan yang berlaku di dalam kampus sahaja. Jika berlaku sebarang kes kecemasan diluar kampus pihak yang terlibat hendaklah menghubungi talian kecemasan 999.
- 5.3 Bagi kes kecemasan selepas waktu pejabat, pelajar haruslah menghubungi felo/pembantu felo/penasihat program untuk mendapatkan bantuan.
- 5.4. Felo/pembantu felo/penasihat program yang bertugas hendaklah menilai keadaan pesakit serta menghubungi staf on-call PKU sekiranya perlu.
- 5.5 Jika Felo/Pembantu Felo tidak dapat dihubungi, pihak PKU boleh menerima kes, tetapi pesakit hendaklah ditemani oleh rakan pesakit sepanjang proses rawatan diberikan (chaperone).
- 5.6 Jika Felo tidak dapat dihubungi, rakan pelajar hendaklah menghubungi Pengetua Kolej Kediaman atau pegawai Unit Kebajikan JHEPA.

- 5.7 Felo/Penasihat/Pegawai Program hendaklah mengiringi pelajar bagi kes yang dirujuk ke hospital dengan menaiki kenderaan sendiri.
- 5.8 Pengambilan kes kecemasan oleh ambulans adalah tertakluk kepada keberadaan ambulans (mengikut keperluan). Jika tiada ambulans pada waktu tersebut, talian 999 boleh dihubungi dengan kadar segera oleh mana-mana pihak yang berada di tempat kejadian. (Felo/Pembantu Felo/Penasihat Program/BKES/Staf UMP/Pelajar/Orang Awam).
- 5.9 Perkhidmatan kecemasan tidak diberikan kepada orang awam kecuali kes-kes kecemasan yang berlaku di dalam kampus sahaja.
- 5.10 Jika pesakit dirujuk ke hospital dengan menggunakan ambulans sekurang-kurangnya seorang staf PKU perlu mengiringi pada satu-satu masa bergantung kepada keseriusan kes.
- 5.11 Ambulans universiti hanya menghantar pesakit ke hospital sahaja dan tidak membawa balik pesakit dari hospital.

6. MASA PERKHIDMATAN KECEMASAN

Perkhidmatan kecemasan yang disediakan di dalam kampus universiti adalah seperti berikut:

- 24 jam sehari perkhidmatan kecemasan termasuk cuti umum.

7. SISTEM KOMUNIKASI

- i. Pusat Kesihatan Universiti dan ambulans mesti dilengkapi dengan peralatan komunikasi yang menggunakan talian tetap atau mudah alih.
- ii. Talian kecemasan yang boleh dihubungi semasa waktu pejabat:

PKU Kampus Utama Pekan : 09-4245777
PKU Kampus Gambang : 09-5493111

- iii. Talian kecemasan yang boleh dihubungi selepas waktu pejabat (*oncall*)

BAHAGIAN B
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN
AMBULANS DI PUSAT KESIHATAN
UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG.

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Perkhidmatan Ambulans di Pusat Kesihatan Universiti Malaysia Pahang.
- 1.2 Perkhidmatan Ambulans telah disediakan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sejak tahun 2005 untuk kemudahan kepada pelanggan yang memerlukannya. Perkhidmatan ambulans memainkan peranan penting dalam mengendalikan dan mempermudah pengurusan kes-kes kecemasan dan kemalangan.
- 1.3 Tujuan garis panduan ini disediakan adalah untuk memberi penjelasan mengenai perkhidmatan ambulans di peringkat Universiti. Ia merupakan satu garis panduan secara generik yang mana perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya hendaklah mengambilkira keupayaan PKU dari segi kemudahan prasarana, peralatan, bilangan ambulans dan bilangan anggota staf yang ada.

2.0 RUJUKAN

Garis Panduan Perkhidmatan Ambulans Universiti merujuk kepada “Garis Panduan Perkhidmatan Kecemasan dan Ambulans di Fasiliti Kesihatan Primer”, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2015.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan keperluan perkhidmatan ambulans kepada pelajar dan staf yang mendapatkan rawatan di PKU, UMP.
- 3.2 Garis panduan ini menjelaskan berkenaan keperluan perkhidmatan ambulans untuk rujukan kes-kes kecemasan ke hospital.
- 3.3 Perkhidmatan ambulans bagi kes kecemasan adalah diberi keutamaan kepada semua pelajar dan staf UMP semasa waktu pejabat (**8:00 pagi hingga 5:00 petang**).
- 3.4 Perkhidmatan ambulans bagi kes-kes kecemasan yang berlaku selepas waktu pejabat (**5:00 petang hingga 8:00 pagi**) adalah diberikan kepada pelajar yang menginap di dalam kampus.
- 3.5 PKU menyediakan perkhidmatan pasukan perlindungan perubatan dan bencana apabila diperlukan.

- 3.6 Mengutamakan faktor keselamatan kenderaan, petugas dan pesakit serta harta benda pesakit.

4.0 SYARAT DAN GARIS PANDUAN RAWATAN KES-KES KECEMASAN DAN PENGGUNAAN AMBULANS PKU

- 4.1.1 PKU hanya merawat kes-kes kecemasan yang berlaku di dalam kampus sahaja.
- 4.1.2 Ambulans universiti tidak memberi perkhidmatan tersebut dari kediaman staf atau pelajar di luar kampus.
- 4.1.3 Penggunaan Ambulans universiti tidak disediakan bagi kes-kes ringan (Kes-kes Pesakit Luar), perpindahan antara hospital dan discaj dari hospital tanpa kebenaran **(Risiko atas tanggungan sendiri)**
- 4.1.4 Bagi kes kecemasan selepas waktu pejabat, pelajar haruslah menghubungi talian kecemasan utama (24 Jam) di talian **09-549 3333** atau menghubungi Felo/Pembantu Felo. Felo/Pembantu Felo hendaklah menilai keadaan pesakit serta menghubungi staf *on-call* PKU sekiranya perlu.
- 4.1.5 Jika Felo/Pembantu Felo tidak dapat dihubungi, pihak PKU boleh menerima kes, tetapi pesakit hendaklah ditemani oleh rakan pesakit sepanjang proses rawatan diberikan. (*chaperone*)
- 4.1.6 Jika Felo tidak dapat dihubungi, rakan pelajar hendaklah menghubungi Pengetua Kolej Kediaman atau Unit Kebajikan JHEPA.
- 4.1.7 Felo/Penasihat/Pegawai Program hendaklah mengiringi pelajar bagi kes yang dirujuk ke hospital dengan menaiki kenderaan sendiri.
- 4.1.8 Pengambilan kes kecemasan oleh ambulans adalah tertakluk kepada keberadaan ambulans (mengikut keperluan). Jika tiada ambulans pada waktu tersebut, talian 999 boleh dihubungi dengan kadar segera oleh mana-mana pihak yang berada di tempat kejadian. (Felo/Pembantu Felo/Penasihat Program/BKES/Staf UMP/Pelajar/Orang Awam)
- 4.1.9 Ambulans universiti tidak memberi perkhidmatan bagi orang awam kecuali kes-kes kecemasan di dalam kampus sahaja.
- 4.1.10. Jika pesakit dirujuk ke hospital dengan menggunakan ambulans sekurang-kurangnya seorang staf PKU perlu mengiringi pada satu-satu masa bergantung kepada kes.

4.1.11. Ambulans universiti hanya menghantar pesakit ke hospital sahaja dan tidak membawa balik pesakit dari hospital.

4.1.12. Ambulans dan petugas hendaklah sampai di lokasi **kemalangan dalam masa 20minit (Maksima)**

5.0 MASA PERKHIDMATAN AMBULANS

- 24 jam sehari perkhidmatan kecemasan termasuk cuti umum.

6.0 PEMANDUAN AMBULANS

6.1 Pemandu ambulans hendaklah mengikuti kursus pemanduan ambulans mengikut garis panduan KKM.

6.2 Ambulans hendaklah dipandu oleh pemandu kenderaan yang dipertanggungjawabkan.

6.3 Setiap pemandu hendaklah mematuhi peraturan-peraturan jalanraya dan undang-undang lalulintas yang dikuatkuasakan oleh pihak yang berkuasa.

6.4 Kakitangan PKU UMP dibenarkan untuk memandu ambulans dengan tujuan menghantar kes-kes kecemasan ke hospital sekiranya mendapat kebenaran bertulis daripada ketua jabatan serta mempunyai lesen memandu yang sah.


7.0 Jadual Oncall PKU akan diedarkan pada setiap bulan kepada BKES/Felo/Unit Kebajikan JHEPA/MPP melalui email atau memo.

8.0 PINDAAN DAN KAJISEMULA


- Garis panduan ini adalah dinamik dan tertakluk kepada perubahan, pindaan dan kaji semula sekurang-kurangnya setiap 3 tahun atau lebih kerap sekiranya perlu mengikut kepentingan perkhidmatan ambulans.

LAMPIRAN: CARTA ALIR KES KECEMASAN SEMASA WAKTU PEJABAT


PROSES KERJA	TANGGUNGJAWAB
--------------	---------------



LAMPIRAN: KES KECEMASAN YANG PERLU DIRUJUK KE HOSPITAL SEMASA WAKTUPEJABAT (AMBULANCE CALL)



LAMPIRAN : KES-KES KECEMASAN SELEPAS WAKTU PEJABAT



- **Jika pesakit dibenarkan balik selepas waktu pejabat, tugas mengambil pesakit adalah di atas tanggungjawab FELO/JHEPA.**